

# Sila labur kata Somare

**KUALA LUMPUR, Isnin — Papua New Guinea mahu Malaysia menjadi pelabur utama di negara itu seperti Jepun dan Australia, kata Perdana Menteri, Encik Michael Somare, hari ini.**

Bellau berkata, bentuk pelaburan yang diharapkan oleh negaranya ialah dalam bidang industri pembuatan sederhana selain dari tumpuan kepada sektor pertanian.

"Kami mahu menggalakkan Malaysia melabur di Papua New Guinea kerana kedua-dua negara mempunyai banyak persamaan," katanya kepada pemberita dalam satu sidang akhbar di akhir lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia.

Menurutnya, dalam bidang pertanian, Papua New Guinea turut bergantung kepada getah, kelapa sawit dan balak seperti Malaysia.

"Selain dari mendapatkan bantuan kepakaran Malaysia untuk memajukan sektor itu, kami mahu pelabur-pelabur negara ini membangunkan bidang industri sederhana seperti pembuatan perabot dan barang-barang keluaran tanah liat," ujarnya.

Pada masa ini, Jepun dan Australia adalah pelabur utama di negara Pasifik Selatan itu.

Encik Somare berharap, perdagangan antara negaranya dengan Malaysia juga dapat ditingkatkan pada masa depan.

Mengenai lawatannya, Encik Somare menyatakan rasa puas hati dan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas sambutan yang diberikan kepada rombongan.

Bellau berkata, rundingan mengenai perkara-perkara dua hala kepentingan bersama Papua New Guinea dan Malaysia yang diadakan semalam memberikan hasil yang sangat memuaskan kepada pihaknya.

## Membalas

Katanya, perjanjian kerjasama teknikal dan ekonomi antara kedua negara akan ditandatangani tidak lama lagi.

Bellau juga berkata, negaranya akan membuka pejabat Suruhanjaya Tinggi di sini tahun depan sebagai membalas penubuhan pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Port Moresby tahun lalu.

Encik Somare turut menyampaikan penghargaan kepada Malaysia atas bantuan dan kerjasama yang diberikan kepada Papua New Guinea.

Menyentuh isu-isu serantau dan antara-bangsa, Perdana Menteri itu berkata, kerajaannya belum membuat sebarang keputusan untuk menyertai Asean walaupun negaranya diberi taraf pemerhati dalam menghadiri persidangan-persidangan an-

jurau Asean.

"Tetapi, kami akan memberi pertimbangan jika kami dipelawa menjadi anggota Asean," jelasnya.

Bellau juga menyatakan, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan tentang usaha Malaysia membentangkan konsep menjadikan Antartika sebagai benua milik bersama manusia sejagat di Rangka-Rangka Heratu.

"Kami belum menimbang isu itu secara terperinci tetapi kami sudah membayangkan bahawa kami akan mengkaji dan menyatakan sikap Papua New Guinea apabila perkara Antartika itu ditimbulkan," katanya.

Encik Somare berlepas ke New Delhi esok untuk menghadiri persidangan negara-negara Komanwel.